

**PENGETAHUAN BERSAMA TENTANG TABU  
DALAM MASYARAKAT SILANG BUDAYA  
SEBAGAI JAMINAN KESANTUNAN  
BERBAHASA**  
*(MUTUAL KNOWLEDGE ON TABOOS IN CROSS-  
CULTURAL COMMUNITIES AS A GUARANTEE OF  
POLITENESS)*

**Hasmidar Hassan<sup>1\*</sup>**

**Radiah Yusoff<sup>2</sup>**

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Pulau Pinang, Malaysia

**Nur Sharina Sahar<sup>3</sup>**

Sekolah Menengah Kebangsaan Kuhara  
Jalan Kuhara, Batu 3 1/2, Peti Surat 843  
91008, Tawau, Sabah

**Email:** hasmidar@usm.my<sup>1</sup>

radiah@usm.my<sup>2</sup>

nursharinasahar@yahoo.com<sup>3</sup>

*(Dihantar: 2 September 2021; Diterima: 13 November 2021)*

### **Abstrak**

Tabu atau pemali ialah bentuk pantang larang yang wujud atas sebab faktor adat, budaya dan kepercayaan. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa, kaum dan etnik, banyak maklumat tabu, khususnya tabu bahasa yang tersimpan dalam kalangan kaum atau etnik itu sendiri dan tidak diketahui oleh masyarakat luar. Akibatnya, penggunaan tabu yang tidak disengajakan oleh mana-mana penutur kepada lawan tuturnya atas sebab tiadanya maklumat yang mendalam tentang tabu bahasa, mengundang ancaman air muka dan penutur dianggap tidak santun dalam berbahasa. Justeru, satu kajian yang bertujuan untuk menjelaskan pengetahuan bersama (*mutual/shared knowledge*) tentang tabu bagi memastikan penggunaan bahasa yang santun oleh penutur diketengahkan. Dengan menggunakan kaedah kajian lapangan, iaitu temu bual, data tentang tabu yang diperolehi daripada beberapa responden di Tawau, Sabah dianalisis berdasarkan idea pengetahuan bersama oleh Sperber dan Wilson (1995). Pengetahuan bersama tentang tabu dalam masyarakat silang budaya akan menjamin komunikasi yang santun antara pengguna bahasa.

**Kata kunci:** Tabu, Pengetahuan Bersama, Kesantunan Berbahasa, Pragmatik

### **Abstract**

Taboo is a form of prohibited acts that exists due to customary factors, cultures, and beliefs. In the context of the multicultural Malaysian society, a lot of information and knowledge regarding cultural taboos, especially that of language, are kept within the race, ethnicity, or culture itself, and are not known by those outside of the community. As a result, the unintentional use of taboos by non-native speakers due to the lack of

in-depth information and knowledge about the language's taboos will cause dignity threatening acts and arise negative impressions towards the speaker. Thus, a study that aims to explain the mutual knowledge (mutual/shared knowledge) about taboos to ensure the use of polite language by speakers is highlighted. Using the interview method, data on taboos obtained from several respondents in Tawau, Sabah were analyzed based on the idea of shared knowledge by Sperber and Wilson (1995). Shared knowledge of taboos in a cross-cultural society will ensure polite communication between language users.

**Keywords:** Taboo, Mutual Knowledge, Politeness, Pragmatics

## 1.0 PENGENALAN

Bahasa ialah alat komunikasi yang digunakan oleh manusia untuk menyampaikan idea, pendapat, dan maklumat dan untuk berinteraksi sesama manusia dalam lingkungan budaya dan sosial yang sama ataupun dalam lingkungan budaya dan sosial yang berbeza. Menurut Allan (2013), bahasa manusia secara khasnya merupakan suatu bentuk tingkah laku interaktif sosial yang tidak terhad dan bertujuan untuk menjalinkan atau mengekalkan hubungan sosial, untuk memberitahu, menyoal, menuntut, memberikan amaran, meminta maaf, dan sebagainya.

Dalam komunikasi antara individu daripada lingkungan sosial dan budaya yang berbeza, kejayaan komunikasi ini bukan sahaja terletak pada bahasa semata-mata malahan setiap penutur perlu mengetahui pelbagai aspek lain seperti aspek budaya, agama, nilai dan pegangan hidup masyarakat yang berbeza budaya itu. Duranti (1997) menyifatkan kepekaan terhadap budaya dan pengetahuan prosedur sebagai 'kontekstualisasi'. Penutur perlu berhati-hati dalam berbahasa kerana bahasa yang

digunakan dikhuatiri boleh menyinggung perasaan pendengar dan penutur boleh dianggap tidak sopan kerana melanggar norma-norma sosial dan budaya masyarakat tersebut. Oleh itu, untuk memastikan kelancaran dan keharmonian komunikasi antara penutur daripada budaya yang berbeza, maka penutur perlu mengelakkan penggunaan kata, ungkapan dan lakuan bahasa yang dianggap kasar, kesat, dan lucu oleh lawan tuturnya. Dengan kata lain, kata-kata yang kasar, kesat, dan lucu inilah yang dikelaskan sebagai tabu.

Menurut Petronella Pain dan Kartini Abd Wahab (2015), kebanyakan masyarakat di dunia mengamalkan tabu dalam kehidupan mereka. Namun, bentuk atau jenis tabu mungkin berbeza antara satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. Dalam masyarakat Melayu contohnya, terdapat tabu atau larangan menyebut nama haiwan tertentu misalnya harimau, gajah dan ular ketika berada di dalam hutan. Sebagai ganti, haiwan-haiwan tersebut disebut dengan nama 'pak belang', 'orang besar', dan 'akar'. Sekiranya nama-nama haiwan ini disebut, ia dikhuatiri boleh menimbulkan musibah, padah atau nasib malang pada penuturnya.

Dalam konteks tabu bahasa pula, setiap penutur perlu sedar bahawa dalam situasi dan konteks yang tertentu, kata, ungkapan dan lakuan bahasa dalam budaya A mungkin tidak mendukung maksud yang sama dalam budaya B. Misalnya sesuatu kata yang mempunyai bentuk yang sama, mendukung makna yang positif dalam bahasa Melayu standard tetapi perkataan tersebut mungkin mendukung makna yang negatif dalam bahasa atau dialek kaum ataupun etnik lain. Hal ini pastinya akan merencatkan proses komunikasi antara penutur dengan pendengar yang terlibat, dan penutur pastinya dianggap tidak santun dalam berbahasa.

Dalam konteks negara Malaysia yang mempunyai pelbagai bangsa dan bahasa, tabu wujud atas sebab kepercayaan, nilai dan pegangan agama setiap

bangsa atau kaum tersebut. Namun tabu sering kali tersimpan atau hanya diketahui oleh bangsa dan kaum itu sendiri. Akibatnya, kemungkinan perkataan yang tabu ini digunakan oleh masyarakat luar kepada lawan tuturnya daripada bangsa atau kaum yang berbeza akan berlaku. Hal ini ternyata tidak dapat dielakkan jika masyarakat luar tidak terdedah pada maklumat tabu yang wujud dalam sesuatu kelompok kaum atau etnik yang menuturkan dialek dan bahasa yang agak berbeza daripada bahasa Melayu standard. Justeru, bagi memperlihatkan kepentingan pengetahuan bersama tentang tabu bagi menjamin kesantunan berbahasa, beberapa contoh tabu yang terdapat dalam kalangan masyarakat di Tawau diketengahkan. Sekiranya maklumat tentang tabu ini tidak didedahkan kepada masyarakat luar, implikasinya penutur dalam kalangan masyarakat ini agak dianggap tidak santun dan biadap dalam berbahasa.

## 2.0 DEFINISI TABU

Dari segi bahasa, perkataan tabu bermaksud sesuatu yang dilarang, pemali, yang terlarang, diharamkan atau ditegah daripada diungkapkan (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tabu>). Dari segi etimologinya, perkataan tabu ini dikatakan berasal daripada bahasa Polinesia, iaitu *tapu* yang bermaksud sesuatu yang dilarang untuk digunakan dan sesuatu yang kudus. Perkataan tabu ini pada mulanya dikatakan digunakan oleh Kapten Cook semasa beliau mengenali perkataan ini daripada Tongan, bahasa Polinesia di Kepulauan Polinesia yang merujuk tingkah laku yang dilarang atau yang perlu dielakkan. Kapten Cook mengatakan bahawa istilah tersebut mempunyai makna yang komprehensif, tetapi secara umumnya, ia menandakan sesuatu yang dilarang (Ullman 1977).

Menurut Crystal (1995), tabu merupakan item yang harus dielakkan oleh pengguna bahasa dalam masyarakat yang santun kerana mereka percaya akan

kemudahan kata-kata ini atau kesannya penggunaannya yang akan memalukan atau menyinggung perasaan (ofensif). Fromkin et al. (2014) pula menjelaskan perkataan tabu sebagai kata-kata yang sering dianggap menyinggung perasaan, menjijikkan atau kasar kerana merujuk seks, tubuh atau bangsa. Menurut Trudgill (1995) pula, tabu merupakan satu kecenderungan pada perlakuan yang ditegah oleh sebab faktor-faktor yang berunsur supernatural atau dianggap tidak beradab serta tidak sesuai. Dari segi jenis, Frazer (2000) membahagikan tabu kepada (i) tabu berkaitan tindakan atau perbuatan, (ii) tabu berkaitan orang, (iii) tabu berkaitan benda dan (iv) tabu berkaitan kata-kata. Tabu yang berkaitan dengan kata meliputi larangan menyebut atau mengucapkan perkataan atau ungkapan yang tertentu, yang dianggap tidak sesuai, tidak beradab, yang boleh menimbulkan rasa malu atau aib, dan dipercayai boleh menimbulkan kesan negatif jika dilanggar oleh penuturnya. Menurut Allan dan Burridge (2006), tabu memberikan pengaruh yang kuat terhadap emosi manusia dan merupakan ungkapan yang paling menggugah emosi dalam semua ungkapan bahasa.

Justeru, bagi mengelakkan penggunaan perkataan tabu ini, suatu bentuk kata yang berlawanan dengan perkataan tabu itu diwujudkan dan dikenali sebagai eufemisme. Eufemisme wujud apabila masyarakat membentuk kata lain dan mencantikkan sesuatu yang kata yang dianggap tabu untuk menjadikannya lebih baik atau bersopan (Wardhaugh, 1986). Tambah Teo Kok Seong (1996), eufemisme ialah kata atau ungkapan yang dianggap lebih lembut dan sederhana, lebih baik dan menyenangkan bagi memperkatakan sesuatu perkara yang mungkin dianggap kasar, keras, menakutkan, menghina atau menyinggung perasaan seseorang.

### 3.0 KESANTUNAN BERBAHASA

Secara literalnya, kesantunan bermaksud perihal (sifat dsb) santun, kesopanan, kehalusan (budi bahasa atau budi pekerti): baik dlm bahasa lisan ataupun tulisan (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kesantunan>). Awang Sariyan (2007) memberikan maksud yang hampir sama bagi kesantunan, iaitu santun, sopan, beradab memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicara. Lakoff (1975) pula memberikan definisi kesantunan sebagai perlakuan yang boleh mengurangkan pergeseran dalam sesuatu interaksi. Asmah Hj Omar (2000) menjelaskan kesantunan berbahasa sebagai penggunaan bahasa seharian kita yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung pada pendengar. Teo Kok Seong (2003) pula mentakrifkan kesopanan bahasa sebagai penggunaan bahasa yang bermaksud sopan pada orang yang diajak bercakap bagi tujuan menghormatinya, di samping memperlihatkan kehemahan pada orang yang bercakap itu agar dia dianggap sebagai berbudi bahasa. Kesantunan berbahasa menurut Fraser dan Nolen (1981) berlaku apabila kontrak perbualan oleh penutur dan pendengar digunakan sebagai satu usaha bagi mengekalkan pengiktirafan diri dalam sesuatu interaksi sosial tanpa sebarang konflik. Tambah Leech (2014) pula, kesantunan atau *politeness* merupakan salah satu bentuk tingkah laku komunikatif yang berkait rapat dengan tingkah laku manusia yang memberikan manfaat kepada orang lain. Huraian yang diberikan di atas membolehkan kesantunan berbahasa dirumuskan sebagai perlakuan yang sopan dan berbudi bahasa dan memiliki segala ciri yang baik dan murni ketika berkomunikasi serta dapat menimbulkan kemesraan dan rasa hormat terhadap orang lain selain. Penggunaan

bahasa yang baik dan santun juga dapat menjamin komunikasi berjalan dengan lancar dan harmoni.

#### **4.0 SOROTAN LITERATUR**

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan mengenai tabu atau pantang larang dalam sesuatu masyarakat yang dilihat dari pelbagai perspektif. Kajian oleh Affidah Morni, Aiza Johari, Johny Ahmad, dan Kamaruzaman Jusoff (2009) menyelidiki persepsi dan kesensitifan orang Melayu dan orang Iban terhadap beberapa tabu bahasa dalam budaya mereka yang bersifat khusus domain. Berdasarkan tinjauan dan soal selidik yang dijalankan, responden memberikan maklum balas agar perkataan tabu tidak dituturkan di khalayak ramai atau secara terbuka terutamanya kata-kata yang berkaitan dengan seks bahagian badan, fungsi badan, kematian dan kesakitan. Norma budaya, peraturan dan pengertian kesopanan (kalangan orang Melayu pula, dari sudut agama) memainkan peranan penting dalam menyekat penggunaan kata-kata tabu ini dalam berbahasa. Secara relatifnya, responden daripada orang Iban kelihatan lebih ekspresif dan jujur dalam menggunakan kata-kata pantang larang dalam menyatakan emosi mereka dibandingkan dengan orang Melayu. Kajian ini juga mendapati bahawa dalam beberapa keadaan, kata-kata tabu ini dapat diterima bergantung pada domain dan konteks penggunaannya.

Yuslinda Rejab (2003) dan Aishah@Eshah Haji Mohamed dan Abd. Aziz Hj. Bidin (2012) pula mengkaji tabu atau pantang larang yang masih diamalkan oleh kalangan wanita pada usia remaja, dewasa dan selepas berkahwin serta penjagaan kesihatan wanita semasa dalam pantang. Kajian ini juga melihat sejauh mana pantang larang ini diamalkan oleh golongan wanita dan adakah berlaku perubahan pantang



larang dalam kehidupan wanita hari ini selaras dengan perkembangan teknologi perubatan moden.

Kajian oleh Hamidah Abdul Wahab (2013) pula berkaitan dengan petua dan perkara tabu dalam masyarakat Melayu Sarawak, khususnya yang melibatkan aspek perubatan, hidup berkeluarga dan keselamatan diri, agama Islam, dan unsur-unsur animisme. Pengkaji mengelaskan petua dan pantang larang yang wujud dalam masyarakat Melayu Sarawak berdasarkan aspek perubatan, wanita dan kecantikan, pengantin, fasa perempuan mengandung dan bayi, keselamatan diri dan bercucuk tanam. Kajian yang melibatkan responden peribumi Melayu Sarawak dari kawasan Serian, Simunjan dan Kuching yang berumur dalam lingkungan 50 tahun ke atas ini menunjukkan bahawa kepercayaan masyarakat Melayu Sarawak terhadap semangat dan alam perlu dihormati kerana ia merupakan sebahagian daripada tunjang asas kehidupan mereka.

Kajian oleh Rona Almos (2013) berkisarkan ujaran pantang dalam masyarakat Minangkabau. Pengkaji menghuraikan aspek bahasa dan aspek antropologi dan etnografi, ungkapan-ungkapan bersifat tabu atau pantang yang terdapat dalam masyarakat Minangkabau. Kata-kata pantang larang yang terkandung dalam masyarakat Minangkabau dikelaskan kepada beberapa bahagian iaitu tabu dan kepercayaan, tabu dalam dunia ketahyulan, tabu dalam hubungan kekerabatan, dan tabu pada tubuh badan manusia. Berdasarkan *setting*, *norm*, *end*, dan *participant*, kajian ini merumuskan bahawa penutur mengungkapkan bahasa pantang larang ini kerana perasaan marah, tidak puas hati dan kesal terhadap sesuatu kejadian atau orang. Bagi mengatasi masalah penggunaan ungkapan tabu atau pantang, ungkapan eufimisme dicadangkan untuk menggantikan ungkapan pantang tersebut demi memelihara kesejahteraan masyarakat penutur Minangkabau.

Kajian oleh Petronella Apin dan Kartini Abd Wahab (2015) pula berfokuskan tabu dalam masyarakat Dusun di Kampung Bundu Tuhan, Ranau, Sabah. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan bahasa tabu dalam masyarakat Dusun dan strategi yang dapat digunakan bagi mengelakkan tabu, faktor-faktor yang mempengaruhi ungkapan tabu serta impak penggunaan tabu. Pengkaji turut menyenaraikan ungkapan tabu beserta makna berdasarkan fahaman masyarakat Dusun dan ungkapan eufimisme yang boleh digunakan untuk menggantikan ungkapan tabu tersebut beserta makna dalam bahasa Melayu. Jelas pengkaji, individu yang melakukan pelanggaran adat, pelanggaran lakuan bahasa atau mengeluarkan kata-kata tabu akan dikenakan sogit atau denda adat oleh penghulu kampung sekiranya didapati bersalah. Tujuan sogit dikenakan pada pesalah itu adalah untuk memulihkan keharmonian kampung dan tanda permohonan maaf atas masalah yang timbul kerana pelanggaran tersebut.

Kajian tentang tabu dan pantang larang sebelum ini kebanyakannya tertumpu pada jenis ataupun aspek pantang larang dari segi perbuatan atau tingkah laku. Walaupun ada kajian yang melibatkan tabu bahasa ataupun bahasa pantang larang, namun kajian tersebut tidak melibatkan aspek kepentingan memahami makna kata tabu ini oleh pengguna bahasa dan impaknya terhadap komunikasi yang melibatkan penutur daripada etnik dan budaya yang berbeza terhadap kelancaran dan kesantunan berbahasa.

## **5.0 KAEDAH KAJIAN**

Bagi menjawab persoalan kepentingan aspek pengetahuan bersama (*mutual/shared knowledge*) tentang tabu (dengan mengambil contoh tabu dalam masyarakat di daerah Tawau) dan implikasinya terhadap kesantunan berbahasa seseorang penutur, maka kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian lapangan iaitu dengan

menemu bual responden dan merakam temu bual tersebut bagi mengumpulkan data. Seramai 10 orang responden dipilih secara rawak daripada kalangan kenalan dan saudara yang rapat bagi memudahkan pengkaji mendapatkan data tabu tanpa menimbulkan persepsi yang tidak baik atau mungkin menyinggung perasaan responden yang tidak dikenali semasa ditemu bual. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Oppenheim (1992) (dlm. Asmah Haji Omar, 2008) tentang temu bual, iaitu teknik temu bual memerlukan kemahiran interpersonal yang tinggi, memastikan responden selesa, mengajukan soalan dengan cara yang menarik, mencatat tindak balas tanpa mengganggu aliran percakapan, dan memberikan sokongan tanpa bias.

Memandangkan tabu ini mempunyai pantang larang yang sangat ketat untuk diperkatakan secara terbuka, maka pilihan responden yang terdiri daripada kenalan dan saudara yang mempunyai hubungan yang rapat, yang dapat memahami tujuan kajian ini dijalankan perlu diberikan keutamaan. Temu bual ini bermatlamat untuk mengumpulkan data tabu dan makna yang didukung oleh ungkapan tabu tersebut serta sebab dan musabab kewujudan tabu tersebut. Data yang terkumpul berdasarkan pertanyaan langsung dan penyenaian kata yang disifatkan tabu oleh penutur di daerah Tawau dirakamkan untuk tujuan pengelasan jenis tabu mengikut makna dan tujuannya dan seterusnya dianalisis berdasarkan gagasan idea pengetahuan bersama (*mutual/shared knowledge*) oleh Sperber dan Wilson (1995).

## **5.1 Masyarakat Tawau**

Daerah Tawau merupakan bandar ketiga terbesar yang terletak di negeri Sabah. Pada tahun 1892, Tawau pada ketika itu hanya didiami oleh kira-kira 200 orang sahaja yang kebanyakannya berbangsa Bajau, Bulungan serta Tawi-tawi. Kepadatan penduduk daerah Tawau semakin rancak dari tahun ke tahun dengan kehadiran imigran-imigran

lain seperti etnik Suluk, Bugis, Bajau, Jawa dan Tidung. Etnik ini pada asalnya bukanlah penduduk asal Sabah, tetapi atas faktor jangka masa bermastautin yang lama, mereka telah dianggap sebagai bumiputera Sabah (Thiessen, 2008).

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), negeri Sabah mempunyai 80 jenis bahasa yang dituturkan oleh penduduknya. Di Tawau misalnya, daerah ini sendiri mempunyai loghatnya yang lain daripada kawasan-kawasan seperti di Kota Kinabalu mahupun Sandakan. Bahasa Melayu yang digunakan oleh orang-orang Melayu di Tawau ini adalah unik dan tersendiri dan tidak sama dengan bahasa Melayu yang dituturkan orang Bajau atau Dusun, tidak sama dengan bahasa Melayu orang-orang di Kota Kinabalu, tidak sama dengan bahasa Melayu orang-orang Indonesia seperti Bugis, Timor dan Toraja atau orang-orang Filipina seperti Tagalog, Visayan dan Tausuq. Loghatnya lebih bercirikan bahasa yang terdapat di pantai timur negeri Sabah serta Kalimantan Utara di Indonesia. Perbezaan ini pastinya menjadi masalah ketika berkomunikasi dengan penduduk luar, lebih-lebih lagi dengan penduduk di Semananjung Malaysia.

## **5.2 Pengetahuan Bersama**

Pengetahuan Bersama (*mutual/shared knowledge*) atau disebut juga oleh sesetengah sarjana sebagai *common knowledge*, merupakan konstituen pragmatik yang paling signifikan bagi kecekapan berbahasa. Dengan kata lain, pengetahuan bersama ini merupakan elemen yang menjadi asas bagi kebanyakan interaksi sosial yang berjaya. Jika sesuatu interaksi atau komunikasi yang tertentu menghasilkan kegagalan, maka sebab bagi kegagalan ini ialah pelaku yang terlibat dalam interaksi ini tidak mempunyai pengetahuan bersama.

Individu yang pertama yang menjadikan peranan pengetahuan bersama ini eksplisit dalam menyelaraskan interaksi ialah David Hume (dalam Morris & Brown, 2021). Hume menjelaskan bahawa syarat yang perlu bagi aktiviti yang tersusun dan berjaya ialah semua pelaku perlu mengetahui tingkah laku yang bagaimanakah yang dijangkakan daripada individu lain. Menurut Hume, tanpa prasyarat pengetahuan bersama, suatu konvensyen sosial yang menguntungkan secara bersama akan hilang. Di samping itu, Jankowicz dan Dobosz-Bourne (2003) (dlm Cramton, 2001) menghuraikan pengetahuan bersama sebagai setiap individu dalam budaya yang berbeza haruslah berusaha dengan sedaya upaya untuk memahami maksud sesuatu kata melampaui maksud yang diterjemahkan jika mereka mahu bekerjasama dengan jayanya. Ramai sarjana bahasa misalnya Akmajian et al. (2001), Knapp (2004) dan Žegarac et al. (2014) menganggap bahawa komunikasi tidak hanya terhad pada "pemindahan makna" malahan melibatkan proses 'perundingan dan pembinaan makna'.

Jelas Spencer-Oatey dan Franklin (2009), manusia menggunakan dua sumber pengetahuan yang utama untuk membina makna dalam interaksi, iaitu pengetahuan linguistik (contohnya pengetahuan kod bahasa) dan pengetahuan tentang 'dunia' (pengalaman dan pengetahuan teori tentang proses sosial, fakta, konsep dan lain-lain). Kedua-dua jenis pengetahuan ini selalunya terlibat dalam pembinaan makna walaupun impak terhadap pencapaian pemahaman secara relatifnya berbeza-beza. Kadang-kadang faktor linguistik menjadi sangat penting, misalnya apabila tahap kemahiran berbahasa penutur sangat rendah atau apabila seseorang menggunakan pelbagai bahasa daerah yang tidak difahami (misalnya dialek). Pada waktu-waktu lain, faktor pengetahuan pula menjadi sangat penting, contohnya kekurangan pengetahuan tentang budaya boleh menyebabkan cara berbahasa yang tidak santun. Kegagalan

menguasai istilah yang tertentu boleh menimbulkan masalah memahami sesuatu bidang atau laras dengan betul. Akan tetapi, kekurangan pengetahuan konseptual latar belakang biasanya akan menimbulkan masalah yang paling rumit.

Menurut Sperber dan Wilson (1995), pengetahuan bersama merujuk persekitaran kognitif yang saling nyata. Ertinya, maklumat yang dikongsi bersama dalam komunikasi ini merupakan persekitaran kognitif yang merujuk satu set fakta yang nyata pada dirinya. Untuk menjadikannya jelas dan nyata (*manifest*), maka maklumat ini mestilah dapat dimanifestasikan atau dijadikan tersurat dan disimpulkan. Jelas Sperber dan Wilson lagi, keseluruhan persekitaran kognitif seseorang bukan sahaja terdiri daripada semua fakta yang disedarinya malahan semua fakta yang dapat diperolehnya pada masa dan di lokasi itu. Satu cara untuk memanifestasikan persekitaran kognitif /pengetahuan bersama ini ialah mempamerkan/membuktikan pengetahuan bersama yang dikongsi tersebut. Sebarang persekitaran kognitif yang dikongsi bersama yang menunjukkan bahawa penutur berkongsi maklumat bersama, dikenali sebagai persekitaran kognitif bersama.

## **6.0 ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN**

Analisis dalam bahagian ini akan memperjelas kepentingan pengetahuan bersama tentang budaya, nilai, norma dan adab khususnya tabu dalam masyarakat silang bagi memastikan komunikasi berjalan lancar dan kesantunan berbahasa terpelihara. Senarai tabu yang diperturun juga akan dapat memperlihatkan bahawa bentuk-bentuk tabu ini berkemungkinan besar telah digunakan penutur luar tanpa sengaja apabila berkomunikasi dengan masyarakat Tawau kerana wujudnya beberapa bentuk kata yang sama dan bunyi atau fonnya yang juga sama. Justeru, bagi menjelaskan perihal tabu ini dengan lebih rinci, maka kata-kata yang tabu ini perlu diberikan definisinya

(sekiranya bentuk kata ini wujud dalam bahasa Melayu standard) berdasarkan kamus Dewan dalam talian di <https://prpm.dbp.gov.my/> dan makna sebenar kata tabu tersebut yang dimaksudkan oleh masyarakat Tawau, Sabah.

Jadual 1


*Ungkapan tabu dalam masyarakat Tawau dan maknanya berdasarkan Kamus Dewan dalam talian dan makna tabu menurut masyarakat Tawau.*

<b>Perkataan Tabu Masyarakat Tawau</b>	<b>Makna Perkataan Tabu Berdasarkan Kamus Dewan dalam Talian <a href="https://prpm.dbp.gov.my">https://prpm.dbp.gov.my</a></b>	<b>Makna Perkataan Tabu Menurut Masyarakat Tawau</b>
ambak	tambak; mengambak menambak	onani
ancak	bekas tempat menyajikan barang-barang kpd hantu	onani
amput	bersetubuh; amputan 1. kemaluan perempuan;	bersetubuh
babau	-	bisu (kelainan upaya)
balan-balan	1. penyakit bengkak pd umbi usus, apendisitis, 2. bahagian sungai yg dasarnya terjadi drpd batu pejal yg memanjang dan bercerun-cerun.	hantu penanggal
batu	benda keras yg berasal dr bumi tetapi bukan logam dan terdiri drpd pelbagai jenis	dadah
bida	tawaran sejumlah bayaran atau harga tertentu oleh bakal pembeli bagi sesuatu yg dijual, spt dlm jualan lelong	perempuan gatal
bitin	-	gersang
bottomak	burung hutan	kemaluan lelaki
busung	gembung perut (kerana penyakit)	ketulahan
buyung	bekas air yg besar perutnya (dibuat drpd tanah liat)	kemaluan lelaki

celedak gerek	- rumput	perempuan gedik bunuh
getek	dialek kedah: basikal buruk kelakuan (bkn perempuan), geletek, gelenyar, rakit	perempuan gedik
kentot kimbek kitai	- - mengitai-ngitaikan mengibas- ngibaskan jari atau tangan (kerana kesakitan) ib: kita semua	bersetubuh makian sial, jahanam
koci	kuih yg dibuat drpd tepung pulut,	onani
kulup	kemaluan lelaki	keadaan kemaluan lelaki yang tidak sempurna
lago	-	berkelakuan atau berpenampilan yang tidak baik atau ketinggalan zaman gedik
lanjik lasik lobos	perempuan jalang, pelacur Lesit -	kemaluan perempuan Keadaan dubur atau faraj yang longgar Longgar (faraj)
luber	tumpah kerana penuh atau terlalu banyak, meluap, melimpah	
mapel	Pokok daripada genus Acer yang daunnya berbucu lima.	kelakuan yang temberang atau sombong
palui pilak prakang pukindet/kindet puntung	- pelak: salah wang rupiah - lebih daripada sesuatu	bodoh anak-anak bajau laut hantu makian ketiadaan kaki atau tangan (kelainan upaya)
rembes semal sinting tabla	meresap masuk atau keluar - alat bunyi-bunyian yg berupa sepasang gendang kecil yg mempunyai satu muka dan dipalu dgn tangan, biasanya dimainkan oleh orang India.	selekeh kotor gila mencuri
terep	-	berlagak



Perkataan tabu yang disenaraikan ini dikelaskan pula mengikut kategori yang tertentu bagi memperlihatkan kategori yang paling dominan sebagai tabu atau pantangan bagi masyarakat Tawau, Sabah. Pengelasan tabu mengikut kategori adalah seperti berikut :



Rajah 1 *Pengelasan tabu mengikut kategori*

Untuk tujuan perbincangan dalam bahagian ini, tabu yang dipilih tertumpu pada perkataan yang juga wujud dalam bahasa Melayu standard. Data sebegini dipilih kerana perkataan ini mempunyai kemungkinan yang tinggi digunakan dengan tidak sengaja oleh penutur luar akibat bentuk kata yang sama dari segi bunyinya walaupun maknanya berbeza.

Perkataan 'amput' dan 'kentot', misalnya, merupakan tabu yang berkaitan dengan seks dan tidak mungkin diungkapkan secara terang-terangan kerana ia merupakan tabu yang paling ketat dalam masyarakat Tawau. Sebagai penutur yang

bukan berasal dari daerah Tawau (selepas ini disebut penutur S), kita mungkin akan berhadapan dengan masalah jika menggunakan perkataan tabu ini apabila berkomunikasi dengan penutur asal daerah Tawau (selepas ini disebut penutur T). Hal ini berkemungkinan berlaku kerana penutur S dan T menyimpan maklumat latar belakang yang berbeza tentang perkataan tabu ini. Bagi perkataan seperti 'kentot' dan 'kentut' misalnya yang bersifat homofon, mempunyai bunyi yang sama namun mendukung makna yang berbeza. Jika 'kentot' dalam bahasa masyarakat Tawau bermaksud bersetubuh, 'kentut' dalam bahasa Melayu standard pula bermaksud 1. 'angin yg keluar melalui jubur' atau 2 'mengeluarkan angin menerusi pelepasan' (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kentut>). Walaupun ejaannya berbeza, namun hakikatnya 'kentut' dalam bahasa Melayu standard yang mempunyai vokal belakang sempit 'u' disebut dengan bunyi vokal belakang separuh sempit 'o' dalam pertuturan, iaitu 'kentot'. Oleh sebab bentuk kata ini bersifat homofon, maka kemungkinan perkataan ini digunakan tanpa sengaja oleh penutur luar apabila berkomunikasi dengan masyarakat Tawau akan berlaku. Keadaan ini pastinya akan menjejaskan air muka pendengar dan menjejaskan kelancaran serta keharmonian perbualan tersebut. Sekiranya penutur S berkongsi pengetahuan yang sama tentang maksud perkataan tabu, maka perkara ini tentunya akan dapat dielakkan.

Data yang kedua juga menarik untuk dibincangkan kerana perkataan 'amput' didapati wujud dalam bahasa Melayu standard dan juga dalam bahasa masyarakat Tawau. Yang lebih menarik ialah 'amput' dalam kedua-dua bahasa ini bermaksud 'bersetubuh' atau kemaluan wanita (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=amput>). Namun, dalam konteks penggunaan harian, pengguna bahasa Melayu standard tidak menggunakan perkataan 'amput' bagi merujuk 'bersetubuh' sebaliknya menggunakan perkataan 'bersetubuh' itu sendiri. Hal ini terbukti berdasarkan carian perkataan

'amput' ini dalam korpus Dewan Bahasa dan Pustaka yang menunjukkan hanya satu carian konkordans diperoleh dalam Hikayat Siak (dlm. <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/Researchers/Search2.aspx>). Walaupun maksud sebenar perkataan ini tidak jelas, namun penggunaannya jelas sekali dalam konteks ujaran berbentuk makian. Dalam konteks bahasa Melayu standard, wujud juga perkataan 'hamput' yang dapat dianggap sebagai varian bagi 'amput' kerana makna perkataan 'hamput' ini bukan sahaja bermaksud "1. maki, marah, hamun; menghamput memaki, memarahi, menghamun", malahan juga bermaksud "2. berhamput bkn bersetubuh, melakukan jimak, berjimak" (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=hamput>). Dalam konteks bahasa Melayu standard, 'hamput' ini dianggap sebagai varian bagi 'amput' dan bersifat homonim, iaitu satu perkataan yang bunyinya sama tetapi mendukung lebih daripada satu makna yang berbeza.

Beberapa contoh penggunaan perkataan 'hamput' dalam bahasa Melayu standard berdasarkan carian korpus Dewan Bahasa dan Pustaka dapat menjelaskan maksud 'hamput' berdasarkan konteks penggunaannya. Contoh carian kata 'hamput' adalah seperti berikut :

- a) "Terbabaslah kau!" **hamput** Bima. (Cahaya Delima.Sejarah, 2017)
- b) Tiap2 hari budak itu kena **hamput** oleh guru-nya. (Kad Bahan Lama)
- c) "**Hamput** wak betul kau," bentak Said, "Aku baru berchadang2 kau dah sapu rupa- nya." (Angin Hitam.Sastera, 1968)
- d) Nanti kerana hangpa aku kena **hamput** dengan Mamak Maidin. (Aci Patmabi.Sastera, 2012)
- e) "Penasihat Yayasan Ikhlas **hamput** aku kerana katanya artis tu boleh tarik penaja untuk tabung kewangan Yayasan ... (Cahaya Delima.Sejarah, 2017)

- f) ... bapa hang tau Pakwan di dalam kereta kuda ni tentu bapa hang **hamput** aku," kata Biyo kepada Patmabi. (Aci Patmabi.Sastera, 2012)

Berdasarkan penggunaan 'hamput' dalam carian konkordans di atas, pengguna bahasa Melayu standard didapati menggunakan perkataan 'hamput' bagi maksud 1. iaitu "maki, marah, hamun" dan bukannya maksud 2. iaitu "bersetubuh". Justeru, seandainya perkataan ini digunakan dalam perbualan oleh penutur S dengan merujuk maksud 1., sedangkan penutur T menyimpan maksud 2., maka akan timbul kekeliruan dan penutur S akan dianggap tidak santun dan tidak menghormati penutur T. Hal ini dapat dielakkan jika penutur S didedahkan dengan maklumat tentang tabu terlebih dahulu dan membolehkan penutur S dan penutur T berkongsi pengetahuan yang sama. Hal ini selaras dengan pendapat Krauss dan Fussell (1990) (dlm. Smith, 1982) yang menyatakan bahawa:

*Mutual knowledge increases the likelihood of comprehension because it allows speakers to formulate their contributions with an awareness of what their addressee does and does not know.*

Data tabu seterusnya yang harus diketengahkan ialah 'buyung'. Data ini juga berkemungkinan digunakan dengan tidak sengaja dalam perbualan oleh penutur S kerana bentuk kata ini, iaitu ejaan dan bunyinya yang sama dengan perkataan 'buyung' dalam bahasa Melayu standard. Dalam bahasa Melayu standard, 'buyung' bermaksud "1. bekas air yg besar perutnya (dibuat drpd tanah liat); 2. (gelaran yg biasanya dirujuk bagi) perempuan hamil; 3. ibu ayam, muncikari" (Ka <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=buyung>) manakala makna 'buyung' bagi

bahasa masyarakat Tawau ialah kemaluan lelaki. Dalam hal ini, seandainya penutur S menggunakan perkataan 'buyung' dalam perbualan dengan merujuk makna yang terdapat dalam bahasa Melayu standard semasa berkomunikasi dengan penutur T, sedangkan penutur T menganggap 'buyung' sebagai tabu yang merujuk kemaluan lelaki, maka tentulah perbualan tersebut akan menyebabkan ancaman air muka pada penutur T dan penutur S pula dianggap tidak sopan dan biadap dalam berbahasa kerana menggunakan perkataan yang lucah. Namun, hal ini tidak disengajakan kerana penutur S tidak mempunyai maklumat tentang perkataan tabu ini. Seandainya penutur S mempunyai maklumat tentang tabu ini, perkataan tabu ini tentunya tidak digunakan dalam perbualan yang melibatkan penutur T. Oleh sebab itulah, sarjana dalam bidang pragmatik menekankan kepentingan pengetahuan bersama dan pengetahuan latar belakang yang sama bagi menjamin kesantunan berbahasa dan interaksi yang berjaya (Vanderschraaf & Sillari, 2014).

Data yang berikut juga mempunyai persamaan dengan data yang sebelumnya. Perkataan 'koci' didapati wujud dalam bahasa Melayu standard dan mendukung makna "1. Sejenis kuih yang dibuat daripada tepung pulut (berinti kelapa bercampur gula dan dibungkus dengan daun pisang" (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=koci>), dan "2. Sejenis penyakit yang disebabkan oleh penyakit kelamin" (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=koci>). Manakala maksud 'koci' menurut masyarakat Tawau, ialah onani. Perkataan 'koci' ini merupakan antara tabu yang tidak akan dituturkan secara terbuka oleh masyarakat Tawau kerana ia merujuk perbuatan yang lucah. Oleh sebab bentuk perkataan ini bersifat homonim (sama bentuk tetapi berbeza maknanya) dan homofon (sama bunyinya), kemungkinan perkataan 'koci' ini dituturkan oleh penutur S masih ada terutama jika penutur berada di kawasan jualan kuih muih tradisional. Walaupun

perkataan 'koci' ini dituturkan dalam konteks ayat yang merujuk 'kuih koci' misalnya "Berapakah harga kuih 'koci' ini ?" atau "Kuih koci ini sangat sedap" oleh penutur S, yang pasti perkataan 'koci' ini akan terarah pada maksud onani oleh masyarakat Tawau kerana itulah maklumat yang paling atas dalam hierarki entri ensiklopedik penutur T. Justeru, penutur S tentunya dianggap tidak santun atau sengaja menggunakan kata-kata lucah ketika berbahasa apatah lagi jika dituturkan kepada orang yang tidak dikenali di khalayak ramai. Penutur S mungkin dianggap sengaja dan bertujuan tidak baik sedangkan penutur S tidak menyedari bahawa perkataan 'koci' ialah tabu yang merujuk perbuatan yang lucah. Maka, inilah kesannya apabila penutur luar tidak didedahkan dengan maklumat tabu dan menyimpan makna perkataan tabu ini sama seperti yang ditanggap oleh penutur asal di Tawau. Dalam hal ini, Blakar (1985) (dlm. Cramton, 2001), menjelaskan bahawa:

*Proceeding without mutual knowledge, people may speak and understand what is said on the basis of their own information and interpretation of the situation, falsely assuming that the other speaks and understands on the basis of that same information and interpretation.*

Perbincangan di atas memperlihatkan bahawa setiap individu atau pengguna bahasa haruslah berusaha sebaik mungkin untuk mencari maklumat tentang kepelbagaian bentuk dan ragam bahasa yang wujud akibat perbezaan pandangan hidup, budaya dan kepercayaan masyarakat yang ada di Malaysia. Manakala satu pihak lagi yang menyedari peri pentingnya maklumat tabu ini didedahkan kepada pengguna bahasa umumnya, haruslah bertindak menyebarkan maklumat ini agar setiap individu mendapat maklumat ini dan seterusnya menyimpan maklumat ini

sebagai maklumat latar belakangnya. Jelas Krauss dan Fussell (1990) (dlm. Cramton, 2001), pengetahuan langsung diperoleh apabila individu mendapat pengalaman langsung semasa berinteraksi dengan individu. Seseorang individu dapat membuat tekaan yang tepat tentang apa yang diketahui mereka dan yang tidak diketahui mereka berdasarkan pengalaman yang dikongsi dengan mereka dan pengetahuan tentang tabiat dan persekitaran yang diperoleh mereka daripada pemerhatian langsung. Dengan kata lain, salah satu cara untuk setiap penutur atau pengguna bahasa mengenali sesuatu masyarakat dan memahami bahasa yang dituturkan mereka adalah dengan mendapatkan pengalaman cara hidup dan budaya individu yang berasal daripada kelompok masyarakat itu. Setelah mendalami adat resam, pegangan hidup dan bahasa yang digunakan oleh sesuatu masyarakat tersebut maka penutur bahasa akan memperoleh pengetahuan langsung atau *direct knowledge* seperti yang dijelaskan oleh Krauss dan Fussell.

Setiap individu atau pengguna bahasa yang mempunyai kesedaran bahawa setiap kata dalam sesuatu bahasa mungkin mendukung makna yang berbeza dalam bahasa yang dituturkan oleh etnik atau kaum lain tentunya akan berhati-hati sebelum memilih menggunakan perkataan tersebut semasa berkomunikasi. Dari sudut pandangan ilmu pragmatik, penutur itu dikatakan mempunyai kecekapan pragmatik dalam berkomunikasi. Atas sebab inilah, maka pengetahuan bersama diberikan penekanan oleh bidang pragmatik sebagai elemen asas kesantunan berbahasa dan komunikasi yang lancar antara masyarakat yang berbeza budaya.

Data yang seterusnya yang ingin dihuraikan ialah perkataan 'puntung'. Perkataan 'puntung' didapati wujud dalam bahasa Melayu standard dengan maksud "1. lebihan atau kelebihan (rokok, kayu, dll) yang sebahagian besarnya sudah terbakar; 2. kudung, buntung, kotong: ~ kakinya; 3. bp merugi 4. penjodoh bilangan

untuk keratan kayu yang pendek-pendek (kayu api dll)" (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=puntung>). Manakala penduduk Tawau merujuk 'puntung' sebagai tidak mempunyai kaki atau tangan (kudung). Bagi masyarakat Tawau, perkataan ini tabu dan tidak dituturkan di khalayak ramai.

Walaupun, 'puntung' juga bermaksud kudung atau buntung dalam bahasa Melayu standard, iaitu "1. terkerat atau terpenggal (kaki, tangan, jari, dll), terpotong pd hujungnya (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=puntung>), namun kebanyakan pengguna bahasa tidak menyimpan makna 'puntung' ini sebagai kudung atau buntung, dan terkerat atau terpenggal (kaki, tangan, jari, dll). Hal ini terbukti berdasarkan 1000 pertama carian konkordans 'puntung' dalam Korpus DBP, (<http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/Researchers/Search2.aspx>) yang menunjukkan puntung berkolokasi dengan rokok atau kayu dan merujuk makna 1., iaitu lebih atau kelebihan (rokok, kayu, dll) yang sebahagian besarnya sudah terbakar; Contoh carian kata puntung dalam pangkalan data korpus DBP adalah seperti berikut:

- a) ... mengikat Lin pada pokok dan mencucuh Lin dengan **puntung rokok**.  
(Mastika, 2000)
- b) **Puntung rokok** tadi cuba disambar anak ikan seluang dan ...(Puteri Putih.Sejarah, 2019)
- c) ... di bawah periuk masih bernyala dan Hasanah tarik **puntung kayu bakar** itu dan terus tujuh masuk baldi. (TIVI.Keluarga, 2018)
- d) Pelajar merokok dan membuang puntung rokok sesuka hati.  
(Pengakap Remaja Malaysia. 1992)
- e) Akan mudah terbakar jika **puntung rokok** berapi dicampakkan ke atas rumput-rumput dan daun-daun ... (Mega Kinabalu.Umum, 2020)



- f) "Mustahil sebatang **puntung rokok** dapat membiak menjadi bahana," kedengaran Hisyam mengeluarkan ... (SAGA.Sastera, 1985)
- g) ...kata seseorang yang tidak dikenali sambil melontar **puntung rokok daun** pucuknya ke akar pohon kelapa dua .. (Titisan Indah Di Bumi Merkah.Sastera, 1985)
- h) ... bekalan elektrik atau ada kecuaiian di dapur atau **puntung rokok** yang terbiar? (ARIO.Sastera, 1988)

Walaupun pada pandangan pengguna bahasa Melayu amnya menganggap perkataan ini tidak mendukung makna yang kasar atau kesat (hal ini demikian kerana pengguna bahasa menggunakan perkataan **puntung** untuk maksud "1. lebihan atau kelebihan (rokok, kayu, dll) yang sebahagian besarnya sudah terbakar)" (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=puntung>), namun perkataan ini tetap tabu pada masyarakat Tawau. Perkataan ini tidak dituturkan secara terbuka kerana dikhuatiri akan mengancam air muka lawan tutur dan menyinggung perasaan lawan tutur yang mungkin juga akan dianggap sebagai diperolok-olokkan atau disindir dengan perkataan 'puntung' itu. Maka, apa-apa tingkah laku atau pertuturan yang boleh menimbulkan kemarahan masyarakat asal kawasan tersebut haruslah dielakkan agar komunikasi antara penutur S dan penutur T berjalan lancar dan tidak menjejaskan kesantunan berbahasa. Setiap penutur hendaklah akur dan menghormati pegangan, kepercayaan dan pandangan hidup penutur yang berbeza budaya. Seandainya penutur daripada dua budaya yang berbeza tidak dapat mengatasi salah faham ini, maka kesannya ialah komunikasi akan terjejas, tidak harmoni dan kedua-dua penutur tidak akan dapat bekerjasama dalam jangka masa

panjang. Oleh itu, usaha untuk mengesan dan mengatasi potensi salah faham pada tahap awal adalah penting untuk mengekalkan kesantunan berbahasa dan mengelakkan konflik yang lebih buruk.

## 7.0 Kesimpulan

Ungkapan tabu masyarakat Tawau merupakan bentuk tabu dari segi bahasa yang wujud disebabkan oleh faktor adat, kepercayaan dan pegangan agama serta budaya masyarakat Tawau. Tabu juga mungkin cara sesetengah anggota masyarakat menyatakan ketidaksetujuan mereka terhadap perkara atau perilaku tertentu dan juga dianggap boleh mendatangkan mudarat (malu) kepada anggota masyarakat disebabkan kepercayaan karut (*supernatural*) atau melanggar kod etika atau moral jika dituturkan oleh mana-mana individu. Justeru, dalam konteks komunikasi silang budaya, unsur tabu atau lakuan bahasa yang terlarang ini perlu diberikan perhatian oleh pihak yang terlibat dalam komunikasi silang budaya. Para penutur khususnya penutur luar daerah Tawau haruslah mengambil tahu dan mengenal pasti elemen tabu yang mendukung makna yang lucah, kasar dan kesat sebelum memulakan komunikasi untuk mengelakkan penggunaan bahasa yang tidak santun dan bagi membina persefahaman dalam komunikasi antara kaum dan etnik yang berbeza. Pada satu pihak yang lain, khususnya empunya bahasa tersebut haruslah menyebarkan maklumat tabu ini kepada masyarakat luar agar maklumat ini dapat dikongsi bersama dan mengelakkan penutur luar menggunakan tabu ini dalam komunikasinya. Menurut Jankowicz dan Dobosz-Bourne (2003) (dlm. Spencer-Oatey & Debray, 2020):

Hasmidar Hassan, Radiah Yusoff & Nur Sharina Sahar, "Pengetahuan Bersama Tentang Tabu Dalam Masyarakat Silang Budaya Sebagai Jaminan Kesantunan Berbahasa" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 42 – 74

*To the extent that people in different cultures understand the world differently, they must expend deliberate effort in trying to come to terms with each other's meanings, over and above their translated vocabularies, if they are to collaborate successfully.*

Dari sudut ilmu pragmatik, elemen pengetahuan bersama merupakan elemen asas yang dapat menjamin kesantunan berbahasa dan kelancaran komunikasi antara kaum dan etnik yang berbeza agama dan budaya.

## Rujukan

- Abu Ahmadi. (1986). *Antropologi Budaya: Mengenal Kebudayaan dan Suku-suku Bangsa di Indonesia*. Pelangi. <https://www.worldcat.org/title/antropologi-budaya-mengenal-kebudayaan-dan-suku-suku-bangsa-di-indonesia/oclc/563650292>
- Affidah Morni, Aiza Johari, Johny Ahmad, & Kamaruzaman Jusoff. (2009). The linguistic taboo between Malays and Ibans of Sarawak, Malaysia. *Canadian Social Science*, 5(3), 141-158. [https://www.researchgate.net/publication/277172594\\_The\\_Linguistic\\_Taboo\\_between\\_Malays\\_and\\_Ibans\\_of\\_Sarawak\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/277172594_The_Linguistic_Taboo_between_Malays_and_Ibans_of_Sarawak_Malaysia)
- Aishah@Eshah Mohamed & Abd. Aziz Hj. Bidin. (2012). Penjagaan Kesihatan Wanita Semasa dalam Pantang: Amalan dan Kepercayaan. *GEOGRAFIA Online™ Malaysia Journal of Society and Space*, 8(7), 20-31. <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/20169/6394>.
- Akmajian, A., Demers, R. A., Farmer, A. K., & Harnish, R M. (2001). *Linguistics: An Introduction to Language and Communication* (5th ed.). London: MIT Press
- Allan, K. (2013). Common ground – aka “common knowledge”, “mutualknowledge\*”, “shared knowledge”, “assumed familiarity”, “presumed background information”. <https://users.monash.edu.au/~kallan/papers/cgHoP.pdf>
- Allan, K. & Burridge, K. (2006). *Forbidden Words: Taboo and the Censoring of Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hasmidar Hassan, Radiah Yusoff & Nur Sharina Sahar, "Pengetahuan Bersama Tentang Tabu Dalam Masyarakat Silang Budaya Sebagai Jaminan Kesantunan Berbahasa" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 42 – 74

Asmah Haji Omar. (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Crampton, C. D. (2001). The Mutual Knowledge Problem and Its Consequences for Dispersed Collaboration. *Organization Science*, 12 (3), 346-371. <https://doi.org/10.1287/orsc.12.3.346.10098>.

Crystal, D. (1995). *The Cambridge Encyclopedia of Language*. New York: Cambridge University Press.

Duranti, A. (1997). *Linguistic Anthropology*. Cambridge: Cambridge University Press

Fraser, B., & Nolen, W. (1981). The Association of Deference with Linguistic Form. *International Journal of the Sociology of Language*, 27, 93-109. <https://doi.org/10.1515/ijsl.1981.27.93>

Frazer, J. G. (2000). *The Golden Bough*. New York: Bartleby.com.

Fromkin, V., Hyams, N., & Rodman, R. (2014). *An Introduction to Language* (9th ed.). Belmont CA: Wadsworth Publishing.

Hamidah Abd Wahab. (2013). Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 1(1), 89 – 97.

Hasmidar bt Hassan. (2019). Pengetahuan Bersama Tentang Unsur Tabu dalam Budaya Melayu dan Budaya China bagi Menjamin Kecekapan Pragmatik dalam Berbahasa. Dalam Goh Sang Seong (Pyntg), *Jalinan Tamadun Melayu-China: Terjemahan, Bahasa dan Budaya* (hlm. 95-110). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Negara.

Hawkins, J. M. & Allen, R. A. (Pyntg). (1991). *The Oxford Encyclopedic English Dictionary*. Oxford : Oxford University Press.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Laporan Sosioekonomi Sabah 2019. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1\\_Articles\\_By\\_Themes/National%20Accounts/GDPbyState/2020/Laporan\\_Sosioekonomi\\_Sabah\\_2019.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1_Articles_By_Themes/National%20Accounts/GDPbyState/2020/Laporan_Sosioekonomi_Sabah_2019.pdf).

Jay, T. (1992). *Cursing in America: A Psycholinguistic Study of Dirty Language in the Courts, in the Movies, in the Schoolyards and on the Streets*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

Definisi Amput <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=amput>.

Kamus Dewan. (2017). Buyung. Dalam *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=buyung>.

Kamus Dewan. (2017). Hamput. Dalam *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=hamput>.

Kamus Dewan. (2017). Kentut. Dalam *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kentut>.

Kamus Dewan. (2017). Kesantunan. Dalam *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kesantunan>.

Kamus Dewan. (2017). Koci. Dalam *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=koci>.

Kamus Dewan. (2017). Kudung. Dalam *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kudung>.

Kamus Dewan. (2017). Puntung. Dalam *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=puntung>.

Kamus Dewan. (2017). Tabu. Dalam *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tabu>.

Lakoff, R. (1975). *Language and Woman's Place*. Harper and Row.

Leech, Geoffrey. (2014). *The Pragmatics of Politeness*. New York: Oxford University Press

Knapp, K. (2004). Book Review: Intercultural business communication. *Language Teaching Research*, 8 (2), 223–234.  
<https://doi.org/10.1191/1362168804lr143xx>

Morris, W. E. & Brown, C. R. (2021). David Hume. Edward N. Zalta (Pnytg.), *The Stanford Encyclopedia of Philosophy*, Spring 2021 Edition.  
<https://plato.stanford.edu/archives/spr2021/entries/hume/>

Nafisah Abdul Hamid & Sekolah Rendah Qifa. (2015). Kesantunan Bahasa – Penggunaan Sistem Sapaan Dan Eufemisme Dalam Komunikasi. Dalam *Perkongsian Profesional Bagi Guru-Guru Permulaan*. Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.  
<https://pdfslide.net/download/link/penggunaan-sistem-sapaan-dan-eufemisme-dalam-komunikasi>

Nathesan, S. (2008). *Makna Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Panel Penulis. (2013). *Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Petronella Apin & Kartini Abdul Wahab. (2015). Tabu Dalam Masyarakat Dusun di Daerah Ranau, Sabah. *Jurnal Melayu*, 14(2), 224-239.  
<http://journalarticle.ukm.my/9457/>

Rona Almos. (2013). Ujaran Pantang Salah Satu Budaya Tutar Masyarakat Minangkabau. *Jurnal e-UTAMA*, Jilid 4, 1-11.  
[http://mlc.alc.nie.edu.sg/docs/Vol\\_4\\_Rona\\_Almos.pdf](http://mlc.alc.nie.edu.sg/docs/Vol_4_Rona_Almos.pdf)

- Smith, N.V. (Pnytg). (1982). *Mutual Knowledge*. London: Academic Press.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1995). *Relevance Communications & Cognition* (2<sup>nd</sup>. Edition). Oxford: Blackwell Publisher Ltd.
- Spencer-Oatey, H. (2011). Achieving mutual understanding for effective intercultural management. Global People Occasional Paper. [https://warwick.ac.uk/fac/cross\\_fac/globalpeople2/knowledgeexchange/papers/workingpapers/occasionalpapers/gp\\_op\\_achieving\\_mutual\\_understanding\\_final\\_190713.pdf](https://warwick.ac.uk/fac/cross_fac/globalpeople2/knowledgeexchange/papers/workingpapers/occasionalpapers/gp_op_achieving_mutual_understanding_final_190713.pdf).
- Spencer-Oatey, H. & Debray, C. (2020) Linguistically and culturally diverse project partnerships and teams. Dalam Jane Jackson (Pnytg.), *The Routledge Handbook of Language and Intercultural Communication* (2<sup>nd</sup>. Edition). Google Book.
- Spencer-Oatey, H. & Franklin, P. (2009). *Intercultural Interaction. A Multidisciplinary Approach to Intercultural Communication*. UK: Palgrave.
- Teo, Kok Seong. (1996). Kesopanan bahasa. *Pelita Bahasa*, 10, 40-43. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teo Kok Seong. (2003). Kesantunan Berbahasa: Kes Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 3, 14-23. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thiessen, Tamara (2008). *Borneo: Sabah, Brunei, Sarawak: The Bradt Travel Guide (Ed 1)*. Chalfont St. Peter.
- Trudgill, P. (1995). *Sociolinguistics: An Introduction to Language and Society* (Edisi Ketiga). New York: Penguin Books
- Ullmann, S. (1977). *Semantics: An Introduction to the Science of Meanings*. Oxford-Basil: Blackwell.



- Vanderschraaf, P. & Sillari, G. (2014). Common Knowledge. Dalam Edward N. Zalta (Pyntg.), *The Stanford Encyclopedia of Philosophy* (Spring 2014 Edition). <https://plato.stanford.edu/archives/spr2014/entries/common-knowledge/>
- Wardhaugh, R. (1986). *An Introduction to Sociolinguistics*. Oxford: Blackwell.
- Yuslinda Rejab. (2003). Pantang Larang dalam Kehidupan Wanita Melayu: Satu Kajian di Kampung Hutan Lembah, Mata Ayer, Perlis Indera Kayangan. Kertas Projek Yang Tidak Diterbitkan. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Žegarac, V. & Spencer-Oatey, H. (2013) Achieving mutual understanding in intercultural project partnerships: co-operation, self-orientation, and fragility. *Intercultural Pragmatics*, 10 (3), 433-458. doi:10.1515/ip-2013-0019.
- Žegarac, V., Oatey-Spencer, H., & Ushioda, E. (2014). Conceptualizing mindfulness–mindlessness in intercultural interaction. *International Journal of Language and Culture*, 1(1), 75-97. <https://doi.org/10.1075/ijolc.1.1.06pon>